

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI UTARA)

TARIKH: 11 OKTOBER 2017

MUKA SURAT: 49

80 peratus tak patuhi piawaian keselamatan

ALOR SETAR - Kira-kira 80 peratus sekolah tahfiz yang beroperasi di Kedah masih tidak mematuhi ciri keselamatan ditetapkan semasa pemeriksaan dijalankan sejak awal Oktober lalu.

Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penguasa Kanan Bomba 1, Mohd Zaidi Ma'at berkata, keputusan diperoleh dalam pemeriksaan dilakukan di 31 sekolah tahfiz dari 62 institusi pendidikan agama di negeri ini.

"Kami memberi tumpuan terhadap sekolah tahfiz

susulan kejadian kebakaran meragut nyawa Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah pada 14 September lepas.

"Berdasarkan pemeriksaan, kita dapati ada sekolah tahfiz tidak mematuhi piawaian keselamatan ditetapkan seperti tiada pili bomba dan sistem gelung hos, pemadam api tidak cukup dan tiada tangga tambahan," katanya.

Beliau berkatas demikian dalam sidang media selepas Majlis Perasmian Kempen Kesedaran Kebakaran dan Pertandingan Bomba D'dapur di sebuah pusat beli belah, di sini semalam.

Mohd Zaidi berkata, pihaknya turut mengesan ada sekolah tahfiz yang diperiksa meletakkan susunan jarak katil di blok asrama pelajar terlalu rapat antara satu sama lain.

"Kami dah memberi teguran secara bertulis kepada sekolah tahfiz berkaitan dan meminta pengurusan institusi pendidikan agama itu membuat penambahbaikan.

"Dalam tempoh terdekat, bomba akan periksa 31 lagi sekolah tahfiz. Apabila 62 sekolah tahfiz diperiksa, statistik itu mungkin akan berubah," katanya.